

Cucur Atap berpotensi jadi sumber bahan antikanser

Tumbuhan liar yang dikenali sebagai Cucur Atap atau nama saintifiknya Baekea frutescens.

Pensyarah UPM temui ruang dalam penyelidikan tumbuhan tempatan sebagai sumber rawatan semula jadi

Oleh Husnina Zahra Hadri
bhpendidikan@bh.com.my

Tumbuhan liar yang dikenali sebagai Cucur Atap atau nama saintifiknya *Baekea frutescens*, sudah lama diketahui dalam rawatan tradisional sebagai bahan menangani masalah kesihatan seperti mengurangkan masalah gout atau mengatasi sakit sendi dan reumatik.

Bagaimanapun, Pensyarah Kanan, Jabatan Anatomi Manusia, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Sandra Maniam dalam kajian makmal mendapati Cucur Atap berpotensi menjadi sumber bahan antikanser semula jadi.

Beliau berkata, kajian makmal mendapati ekstrak Cucur Atap mampu membunuh sel kanser payudara.

Katanya, penemuan berkenaan bermula daripada kajian awal yang pada asalnya bertujuan menilai potensi tumbuhan itu dalam mengurangkan penyerapan gula dalam badan.

"Pendekatan itu berkait rapat dengan strategi merencatkan pertumbuhan sel kanser melalui pengurangan bekalan tenaga kepada sel.

"Namun hasil ujian awal menunjukkan sesuatu yang lebih menarik apabila ekstrak tumbuhan itu didapati mampu membunuh sel kanser payudara yang sensitif terhadap hormon estrogen," katanya.

Tambah beliau, penemuan itu membuka ruang baharu dalam penyelidikan tumbuhan tempatan sebagai sumber bahan anti-kanser semula jadi yang berpotensi.

"Berbanding beberapa herba tempatan yang telah lama dikaji seperti Mas Cotek (*Ficus deltoidea*), Hempedu Bumi (*Andrographis paniculata*), dan Misai Kucing



Dr Sandra Maniam dalam kajian makmal mendapati Cucur Atap berpotensi menjadi sumber bahan antikanser semula jadi.

(Foto ihsan UPM)

(*Orthosiphon aristatus*), potensi Cucur Atap masih kurang diterokai dalam bidang bioperubatan," katanya.

Sensitif hormon estrogen

Dr Sandra berkata, kajian makmal menggunakan sel kanser payudara jenis MCF-7 menunjukkan ekstrak tidak polar daripada tumbuhan tersebut mempunyai aktiviti sitotoksik yang signifikan terhadap sel kanser yang sensitif terhadap hormon estrogen.

"Walaupun mekanisme tepat masih dalam kajian, dapatan awal menunjukkan kematian sel berlaku melalui proses apoptosis iaitu kematian sel secara terancang yang merupakan mekanisme semula jadi tubuh untuk menyingkirkan sel rosak atau tidak normal," katanya.

Beliau menjelaskan, sesuatu ekstrak dianggap aktif apabila mampu membunuh 50 peratus sel kanser pada kepekatan rendah, iaitu kurang daripada 15 mikro-

gram per mililiter mengikut garis panduan Institut Kanser Negara (IKN).

"Dalam kajian kami, ekstrak tidak polar *Baekea frutescens* menunjukkan aktiviti yang membezakan apabila ia mampu membunuh 50 peratus sel kanser payudara pada kepekatan antara 9 hingga 12 mikrogram per mililiter," katanya.

Kajian awal turut menunjukkan ekstrak berkenaan mempunyai sifat selektif kerana mampu membunuh sel kanser payudara tanpa memberi kesan sitotoksik kepada sel payudara normal.

Masih peringkat awal

Selain itu, faktor persekitaran turut mempengaruhi aktiviti biologi tumbuhan tersebut apabila sampel dari kawasan pesisir pantai Setiu, Terengganu menunjukkan aktiviti antikanser yang lebih berkesan (potensi) berbanding sampel dari kawa-

san tanah tinggi seperti Bukit Fraser serta beberapa lokasi di Indonesia.

Walaupun begitu, beliau menegaskan penyelidikan terhadap tumbuhan ini masih berada pada peringkat awal dengan fokus kini diberikan kepada usaha mengenal pasti sebatian bioaktif yang bertanggungjawab terhadap aktiviti anti-kanser berkenaan.

"Harapan saya melalui penemuan ini dapat menjadi asas kepada kajian lanjutan dalam pembangunan terapi anti-kanser pada masa hadapan membuktikan bahawa biodiversiti tempatan mempunyai potensi besar dalam menyumbang kepada inovasi bioperubatan," katanya.

Sementara itu berdasarkan rekod Kementerian Kesihatan, seorang daripada 19 wanita di Malaysia berisiko menghidap kanser payudara, dan hampir 33 peratus daripada kes kanser membabitkan barah payu dara. Kes baharu meningkat ketara,

Info

Cucur Atap

- Sejenis tumbuhan renek yang banyak ditemui di kawasan berpasir, belukar dan pesisir pantai di Asia Tenggara termasuk Malaysia.
- Dikenali secara saintifik sebagai *Baekea frutescens* dan tergolong dalam keluarga tumbuhan Myrtaceae.
- Tumbuhan ini biasanya tumbuh setinggi antara satu hingga tiga meter dan mempunyai daun kecil, halus serta memanjang seperti jarum.
- Daunnya mengandungi minyak pati yang menghasilkan bau aromatik apabila diramas. Pokok cucur atap juga menghasilkan bunga kecil berwarna putih atau merah jambu yang tumbuh di hujung ranting.
- Di Malaysia, cucur atap sering ditemui tumbuh secara liar di kawasan tanah berpasir, pantai, tanah terbiar dan kawasan belukar.

dengan 29,534 kes direkodkan antara 2017-2021, dan lebih 50% dikesan pada tahap lewat.

Trend jumlah pesakit kanser payudara di Malaysia menunjukkan peningkatan ketara sejak 2007 dengan lonjakan tertinggi direkodkan dalam tempoh 2017 hingga 2021 iaitu sebanyak 29,534 kes.

Justeru, penyelidikan berkaitan barah payu dara akan membuka jalan kepada rawatan berasaskan sumber semula jadi tempatan yang lebih kos efektif, berkesan dan mampu milik.